

Pendahuluan

1.1 Tujuan dan bidang kajian.

Pengambilan pembantu rumah asing menjadi semakin meluas sejak awal tahun 1980an. Keadaan ini berlaku akibat daripada penyertaan kaum wanita dalam pelbagai sektor pekerjaan. Akhirnya, masalah mendapatkan pembantu rumah tempatan semakin meruncing. Sejak dekad 80an lagi berlaku perkembangan golongan menengah dan atasan yang memerlukan perkhidmatan pembantu rumah, hasil dari peningkatan dalam pelajaran.

Pengambilan pembantu rumah asing ini lebih ketara berlaku terhadap pekerja-pekerja dari Filipina dan Indonesia. Mengikut anggaran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan, di antara tahun 1975 sehingga 1980, terdapat kira-kira 58,000 orang penghijrah Indonesia di Malaysia. Walau bagaimanapun, Ketua Parti Pembangkang iaitu Encik Lim Kit Siang, melaporkan terdapat kira-kira 800,000 ke satu juta orang penghijrah Indonesia di negara ini iaitu kira-kira 7% daripada jumlah penduduk seramai 15.5 juta orang (Azizah Kassim, 1986:29).

Adalah dianggarkan lebih daripada 700,000 pendatang

Indonesia telah berhijrah ke Semenanjung Malaysia manakala 13,000 orang pula telah berhijrah ke Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak). Kebanyakan daripada mereka berasal dari Jawa Timur, Pulau Madura, Sumatera Utara dan Sumatera Barat dan yang datang ke Malaysia Timur adalah dari Pulau Flores (Ayob Tamrin, 1986:2).

Jabatan Imigresen Malaysia menganggarkan terdapat kira-kira 585 pembantu rumah Indonesia di Malaysia pada tahun 1991 (lihat Jadual 1, halaman 16). Walau bagaimanapun, anggaran tersebut hanya bagi pembantu rumah yang datang secara sah dan berdaftar. Golongan yang tidak berdaftar dipercayai lebih ramai dari jumlah ini.

Fokus kajian ini adalah kepada pembantu rumah Indonesia di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kebanyakan pembantu rumah ini boleh didapati di kawasan Lembah Kelang terutama di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, dan Shah Alam di mana sebahagian besar golongan menengah dan atasan tinggal (Azizah Kassim, 1991:12). Mengikut Penyiasatan Unit Sosio-Ekonomi Pelan Induk 1979, purata pendapatan bulanan isi rumah di Kuala Lumpur pada tahun 1980 ialah \$1447.00 (Kuala Lumpur Structure Plan, August 1984:22), berbanding dengan \$693.00 iaitu jumlah bagi seluruh negara (Rancangan Malaysia Ke-5¹, 1986-1990 : 116). Dengan itu, pengkaji

1. Data adalah berdasarkan daripada Jabatan Perangkaan, Penyiasatan Tenaga Buruh/Pendapatan Isirumah, 1980 dan Penyiasatan Pendapatan Isirumah 1984.

memilih kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Kedua-dua kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya juga berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji di Taman Keramat, dan ini memudahkan pengkaji melakukan kajian kerana menjimatkan masa dan kos pengangkutan.

Penyelidikan yang dilakukan boleh dikategorikan kepada dua iaitu di rumah majikan dan pembantu rumah. Kawasan perumahan majikan ialah di sekitar Taman Keramat, Ampang, Cheras, Sungai Besi dan Petaling Jaya. Manakala kawasan perumahan pembantu rumah ialah di sekitar Kg. Sungai Kayu Ara di Petaling Jaya, Kg. Pandan, Kg. Berembang dan Kg. Bumiputra.

1.2 Permasalahan kajian.

Permasalahan yang menjadi fokus kajian ini adalah seperti berikut :-


a. Untuk mengetahui latar belakang pembantu rumah Indonesia serta sebab-sebab mereka memilih bidang pekerjaan ini.

b. Mengetahui tentang cara penghijrahan ke Malaysia, pembiayaannya dan orang-orang yang terlibat menguruskan perjalanan mereka ke sini.

c. Untuk melihat proses yang terlibat dalam pengupahan pembantu rumah Indonesia iaitu bagaimana mereka mendapat

Peta 1


Kawasan kajian



0 50 100 150

Skala ; 1 : 4,752,000.

Sumber : Jabatan Pemetaan Malaysia, 1984.



pekerjaan sebagai pembantu rumah.

d. Melihat pengalaman kerja dan kehidupan seharian mereka di Malaysia, pandangan dan pendapat mereka berkenaan kerja, pendapatan dan masalah yang dihadapi ketika bertugas.

e. Melihat sejauhmana hubungan yang terjalin di antara pembantu rumah dengan majikan, pergaulan dengan jiran-jiran berhampiran dan masyarakat tempatan serta hubungan mereka dengan keluarga asal di Indonesia.

f. Mengetahui tentang rancangan masa depan mereka dan implikasi dari segi ekonomi, politik dan sosial hasil dari pekerjaan yang mereka lakukan.

1.3 Kepentingan kajian.

Kebanyakan daripada kajian-kajian yang dilakukan adalah berkenaan dengan penghijrah Indonesia secara umum, memaparkan tentang sesuatu kaum dan implikasi dari kehadiran mereka. Kajian terhadap pembantu rumah amat sedikit dilakukan, maka pengkaji berharap kajian ini akan dapat menambah pengetahuan kita terhadap orang-orang Indonesia di Malaysia, terutamanya berkenaan pembantu rumah Indonesia.

Masalah penghijrahan pembantu rumah Indonesia ini juga semakin meruncing dan sukar dikawal kerana ramai di kalangan mereka yang datang secara tidak sah. Walau bagaimanapun,

mereka amat diperlukan kerana dapat mengisi kekosongan dalam bidang pekerjaan tersebut.

1.4 Metodologi kajian.

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan iaitu:-

a. Kajian awal. -----

Sebelum membuat kajian yang menggunakan soal-selidik, pengkaji telah membuat kajian awal di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya bagi mengenalpasti tempat-tempat di mana pembantu rumah Indonesia berada. Pengkaji telah memilih seramai 50 orang responden iaitu 6% daripada sejumlah 585 orang wanita Indonesia yang bekerja sebagai pembantu rumah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada tahun 1991.

Daripada jumlah tersebut, 35 orang bekerja sepenuh masa dan 15 orang lagi bekerja separuh masa. Di samping itu, pengkaji telah menemuramah seramai 5 orang majikan kepada dengan pembantu rumah mereka. Untuk mencari responden, pengkaji menggunakan kaedah "snowball" iaitu pada peringkat pertama, pengkaji mengenalpasti beberapa orang responden dan ditemubual. Mereka kemudiannya digunakan sebagai penyampai maklumat tentang orang-orang yang layak dijadikan sampel untuk peringkat kedua dan seterusnya. Kaedah ini banyak

membantu pengkaji dalam mendapatkan responden. Kesemua responden adalah beragama Islam.

b. Soal-selidik.

Soal-selidik digunakan bagi memudahkan pengkaji menemubual responden dan mendapatkan data. Walau bagaimanapun, soalan-soalan yang dikemukakan tidak terhad kepada soalan dalam soal-selidik sahaja. Pengkaji turut menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

c. Temubual.

Pengkaji bukan sahaja menemubual responden, bahkan juga para majikan untuk mengetahui pengalaman majikan yang mempunyai pembantu rumah asing. Selain dari itu, pengkaji turut menemuramah seorang Pegawai dari Jabatan Imigresen bagi mendapatkan data-data dan syarat-syarat berkenaan dengan kemasukan mereka. Temubual juga dilakukan terhadap agen-agen yang memberikan mereka pekerjaan. Temubual dengan masyarakat setempat juga dilakukan bagi menambah maklumat.

d. Pemerhatian.

Kaedah pemerhatian dilakukan untuk melihat kegiatan yang dilakukan oleh pembantu rumah dalam melaksanakan pekerjaan mereka sehari-hari. Pengkaji telah pergi ke rumah tiga orang majikan dan memerhatikan pekerjaan yang dilakukan oleh

mereka sepanjang hari. Dua orang dari pembantu rumah tersebut ialah pekerja sepenuh masa manakala yang seorang lagi ialah pekerja separuh masa. Tugas-tugas yang dilakukan oleh mereka termasuklah mencuci pakaian, mengemas rumah, memasak, menjaga anak majikan dan menggosok pakaian.

e. Kajian perpustakaan.

Kajian yang dilakukan bertujuan mendapatkan sumber rujukan atau bahan bacaan yang dapat membantu pengkaji melengkapkan latihan ilmiah. Kajian perpustakaan ini penting kerana pengkaji tidak hanya bergantung kepada jawapan responden di dalam soal-selidik sahaja. Bahan-bahan rujukan yang digunakan selain daripada buku-buku ialah majalah, akhbar tempatan, bahan cetak kerajaan seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-5 dan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, latihan ilmiah dan jurnal.

1.5 Kesulitan kajian.

Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji di peringkat awal kajian ialah kurangnya kerjasama dari pihak majikan. Majikan kurang dipercayai penjelasan pengkaji bahawa kajian ini dibuat untuk latihan ilmiah sahaja dan maklumat seperti nama dan alamat responden serta majikan dirahsiakan. Majikan merasa bimbang mereka akan kehilangan pekerja kerana sebilangan besar pekerja ini datang ke

Malaysia secara haram. Selepas penerangan mendalam, barulah diizinkan dibuat temuramah dengan pekerja mereka. Namun begitu terdapat majikan yang tidak membenarkan langsung temuramah dibuat kerana takut didenda oleh pihak berkuasa.

Terdapat juga responden yang merasa bimbang jika maklumat tentang diri mereka sampai ke tangan pihak berkuasa. Akibatnya mereka akan kehilangan pekerjaan dan mungkin dihantar balik ke Indonesia. Mereka juga takut akan menyusahkan majikan mereka. Terdapat juga responden yang enggan ditemuramah kerana perasaan malu. Walau bagaimanapun, selepas pengkaji membuat penjelasan, mereka sedia bekerjasama.

Masalah lain yang dihadapi ialah ada responden yang telah berhenti bekerja beberapa hari selepas pengkaji mendapat maklumat bahawa mereka terdapat di satu-satu kawasan. Oleh itu pengkaji terpaksa mencari responden yang lain, dengan menggunakan kaedah snowball iaitu pengkaji mendapatkan responden kedua dari responden yang pertama dan seterusnya. Bahasa turut menjadi masalah, terutama bagi responden yang baru berhijrah. Dengan itu pengkaji terpaksa membawa seorang penterjemah yang mahir dalam bahasa Jawa atau bahasa Indonesia, misalnya. Kekurangan bahan kajian tentang pembantu rumah Indonesia juga menimbulkan masalah pada pengkaji untuk membuat rujukan.

1.6 Kosep dan teori penghijrahan.

Penghijrahan melibatkan perpindahan seseorang atau kumpulan dari satu tempat ke tempat lain. Everette, S. Lee berpendapat, bahawa terdapat beberapa faktor yang ditentukan oleh seseorang untuk berhijrah iaitu :-

- a. Faktor yang berkait dengan tempat asal.
- b. Faktor yang berkait dengan kawasan destinasi.
- c. Rintangan antara dua tempat.
- d. Faktor individu.

Penghijrahan dari desa ke bandar adalah kesan dari perkembangan pesat dari industri dan peluang-peluang kerja di bandar. Pembantu rumah berasal dari kampung, kemudian berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Perpindahan adalah tindakbalas bagi manusia terhadap faktor ekonomi dan sosial dan tekanan pada faktor ini menyebabkan manusia berpindah. Perpindahan ini mempunyai hubungannya dengan kelakuan manusia yang sering digerakkan oleh keinginan untuk memuaskan kehendak-kehendak dan mengelakkan daripada kesusahan. Kemungkinan perpindahan ini merupakan suatu usaha untuk memberi kesempatan kepada individu bagi membaiki keadaan hidupnya yang sedia ada.

Proses penghijrahan berpunca dan bergantung kepada daya atau kuasa tolakan dan tarikan yang ada di tempat asal dan

tempat yang dituju (Bogue, 1963:409). Menurutny lagi faktor ketidakseimbangan ekonomilah yang melahirkan faktor tolakan dan tarikan (ibid:752-754). Keadaan ini biasa berlaku di desa di mana kegiatan ekonominya adalah bercorak tradisional. Oleh itu pendapatan yang diterima adalah rendah dan tidak tetap kerana golongan tani adalah tertakluk kepada hukum alam seperti tanah dan cuaca. Penghijrahan berlaku untuk membaiki keadaan hidup supaya menjadi lebih baik.

Migrasi turut berlaku di Asia Tenggara terutamanya dalam dekad 70an, sehinggalah sekarang. Penghijrahan ini adalah disebabkan oleh faktor politik dan ketidakstabilan ekonomi seperti yang dilakukan oleh pelarian Laos, Kampuchea dan Vietnam ke Asia Tenggara (Darul Amin Manaf, 1989:12). Dalam dekad 80an, semakin ramai dari penghijrah-penghijrah ini berhijrah ke Malaysia kesan dari pembangunannya yang pesat. Selain dari orang-orang Laos, Kampuchea dan Vietnam, terdapat ramai orang-orang Thailand, Myanmar, Singapura, Filipina dan Indonesia yang berhijrah ke sini.

Di Malaysia, migrasi buruh antarabangsa bukanlah satu perkara yang baru tetapi telah terjadi sejak awal abad ke 19 berikutan kemasukan orang-orang Cina dan India untuk bekerja di sektor perlombongan dan perladangan (D.G.E.Hall, 1987:968).

Kemerosotan ekonomi yang dialami oleh Malaysia pada

tahun 1985, telah menyempitkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan sehingga menyebabkan kadar pengangguran meningkat. Akibatnya ramai dari kalangan penganggur ini pulang ke kampung atau tidak mencari pekerjaan lagi. Pada tahun 1987, apabila ekonomi Malaysia kembali meningkat, maka terbuka semula peluang kerja kepada pekerja asing khususnya mereka yang dari Indonesia. Kedatangan penghijrah-penghijrah ini telah menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan penduduk tempatan yang menganggap pekerja Indonesia ini telah merampas peluang kerja bagi mereka.

Penghijrahan penduduk keturunan Indonesia ke Semenanjung Malaysia adalah ekoran dari tekanan ekonomi dan sosial di tempat asal mereka. Bagi yang menghadapi masalah ekonomi, matlamat kedatangan mereka ialah untuk bekerja sebagai buruh atau datang sebagai peneroka tanah yang baru (Azizi Muda, 1981:159). Kedatangan mereka juga tidak banyak mendatangkan kesulitan sama ada dari segi bahasa, agama dan budaya kerana mereka mudah diasimilasikan dalam penghidupan masyarakat tempatan (ibid:155).

Kedatangan pekerja-pekerja asing ini khasnya pembantu rumah Indonesia akan dibincangkan dengan lebih mendalam didalam bab 2 dengan melihat apakah faktor terpenting yang membawa mereka berhijrah ke Malaysia.

1.7 Ulasan kajian lepas.

Kebanyakan kajian-kajian yang lalu lebih menumpukan kepada orang-orang Indonesia secara umum. Kajian mengenai pembantu rumah Indonesia amat sedikit dilakukan walaupun isu pengambilan pembantu rumah kerap diperkatakan / diperbincangkan dalam media massa.

Kajian Khalid Mazlan (1987) lebih menumpukan kepada orang-orang Bawean, manakala kajian Darul Amin Manaf (1989) lebih menekankan tentang implikasi kehadiran orang-orang Indonesia dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Azizah Kassim (1986, 1987, 1988) telah menyentuh isu permasalahan setingan dan pendatang Indonesia, reaksi masyarakat terhadap penghijrah Indonesia dan kesan dari kemasukan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia.

Kajian-kajian terhadap pembantu rumah amat terhad bilangannya, oleh itu bahan bacaan mengenainya amat kurang. Mariam Miasin (1980) menyentuh tentang keadaan pekerjaan dan kehidupan pembantu rumah di Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah. Kajiannya lebih bersifat umum kerana melibatkan pembantu rumah dari pelbagai bangsa yang terdapat di Tanjung Aru. Mariam merumuskan bahawa pekerjaan sebagai pembantu rumah merupakan satu pekerjaan yang terpencil di mana interaksi pembantu rumah hanya terbatas di rumah majikan

sahaja. Faktor tersebut menimbulkan rasa sunyi dan bosan serta rasa terkongkong. Pembantu rumah juga tidak mempunyai autonomi untuk menentukan apa yang harus dan tidak harus dibuatnya, sebaliknya terpaksa patuh kepada kehendak majikan.

Roslina Mohd. Hassan (1988) melakukan kajian di Seksyen 16, Petaling Jaya, 'Selangor. Dalam kajiannya terdapat juga pembantu rumah Indonesia tetapi bilangannya amat kecil. Beliau lebih menekankan tentang masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh pembantu rumah. Kajiannya mendedahkan tentang eksploitasi yang dilakukan oleh majikan terhadap pembantu rumah mereka, seperti memberi beban kerja yang berat dan gaji yang sedikit terutamanya kepada pembantu rumah asing.

Isu pengupahan buruh wanita Filipina di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah dikupas oleh Jojie Samuel (1989). Walau bagaimanapun, kajiannya tidak tertumpu pada tempat kajiannya sahaja, sebaliknya menceritakan keadaan yang berlaku di Filipina. Beliau turut menyentuh tentang penyalahgunaan dalam sistem pengupahan pekerja pembantu rumah Filipina dan penganiayaan yang dilakukan terhadap mereka. Hanizah Idris (1990) menulis tentang pembantu rumah Indonesia di Johor Bharu, Johor. Namun begitu, kajian ini tidak begitu mendalam dan dibincangkan secara umum sahaja kerana beliau tidak

mengupas isu kedatangan dan p
Indonesia secara terperinci. Tamb
menekankan kepada aspek migrasi an

Selain dari kajian-kajian d
pekerja asing yang lain di Malay
Normalia Judin (1990) dan kaji
pekerjaan dapat membantu pengkaji

1.8 Pengambilan pembantu rumah as

Perkembangan dalam bidang pel
mutu dan taraf hidup penduduk. Das
kerajaan seperti Dasar Ekonomi Ba
Timur telah menyebabkan negara Mala
dalam bidang industri. Oleh itu le
dibuka yang memerlukan ramai te
Keadaan ini mendorong lebih ramai w
mereka tidak mempunyai kelulusan
lebih berminat untuk bekerja di ki
gaji yang lebih lumayan. Industri
tempat di kalangan wanita ial
(Jamilah Ariffin, 1978:2). Mal
kilang ini menyediakan tempat pen
pekerjanya. Hal ini menarik minat
untuk bekerja di sektor perindust

sukar memperoleh pembantu rumah
masa kini wanita lebih suka men-

Berdasarkan Jabatan Perangka
Sampel Sosio-Ekonomi Isi R
vol.1970:63) bilangan wanita y
1967 ialah 41%. Manakala pada
pada tahun 1980' ialah 72.
Sept.1989:19). Perkembangan dal
membesarkan lagi golongan atasan
turut sama menggemblengkan tena
dalam pekerjaan. Mereka yang
tinggi tentunya tidak mahu men
didapati dari Institusi Pengajia
yang bekerja ini mempunyai m
mengawasi anak-anak mereka
rumahtangga.

Golongan atasan pula sentiasa
aktiviti mereka sehingga masa yang
menjadi kurang. Jika dahulu fu
ditekankan, tetapi kini ia amat
dalam konteks bandar. Sistem
mempunyai cara yang mudah untuk m
1988:182). Perkembangan ke
menyebabkan institusi penjaga

TADIKA, TABIKA, dan Pusat Asuhan
Bayaran yang dikenakan oleh Pusa
adalah mahal dan hanya mereka yan
anak-anak mereka ke sana (Hamid A
meningkatkan permintaan bagi pempa

Berdasarkan dari sebab
timbul permintaan ' yang tinggi k
luar negeri. Dalam awal tahun
asing adalah dari Indonesia da
1980an pula, pembantu rumah dari
tempat. Kecuali pembantu rumah
besar pembantu rumah ini adalah
boleh didapati di Semenanjung
Timur terutama di kawasan ba
1991:11).

Pengambilan pekerja asing ini
Indonesia dapat dilihat dalam Jadu
menunjukkan pembantu rumah Indone
iaitu yang datang secara sah sed
yang datang secara haram.

Jadual 1
Perangkaan pengambilan pe

Tahun	Indonesia
1985	192
1986	394
1987	86
1988	437
1989	524
1990	498
1991	585
Jumlah	2716

Sumber : Bahagian Pengambilan Buru
Malaysia, seperti yang d
pada Mei 1991.

Menurut syarat-syarat kelulu
rumah Indonesia (lihat Lampiran
Jabatan Imigresen Malaysia, pen
dilakukan jika menurut beberapa
keluarga majikan mestilah tidak k
dan kehadiran pembantu rumah ya
atau agensi mestilah dijamin ole
dalam bentuk surat jaminan
majikan ingin mengambil pembant
terpaksa mengikut jalan yang sah,
membayar sebanyak \$5000 iaitu
datang ke Malaysia.

Jika dilihat daripada syarat-
kita dapat menggambarkan bahawa

diambil kerana mereka lebih murah dari pembantu rumah Indonesia ini majikan mengambil mereka kerana sebanyak \$500 kepada Jabatan mendapatkan pas lawatan kerja ser terdapat agen yang mengenakan sebanyak \$750 untuk dibayar Pembantu rumah Filipina dikhaskan Islam manakala pembantu rumah digajikan oleh keluarga Islam. pembantu rumah asing ini juga tidak majikan bukan Islam mengambil per bekerja di rumahnya.

Tambahan pula, terdapat pendapatan yang kurang daripada \$ mengambil pembantu rumah Indonesia kerana mereka tidak perlu membayar mengambil pembantu rumah melalui kaum yang sama iaitu bangsa Melayu yang lebih kurang sama. Ini dengan mereka.

Jadual 1
Perangkaan pengambilan pembantu rumah asing

Tahun	Indonesia	Filipina
1985	192	374
1986	394	3260
1987	86	2902
1988	437	534
1989	524	1158
1990	498	5340
1991	585	6460
Jumlah	2716	20028

Sumber : Bahagian Pengambilan Buruh Asing, Jabatan Imigresen Malaysia, seperti yang diberikan kepada pengkaji pada Mei 1991.

Menurut syarat-syarat kelulusan pengambilan pembantu rumah Indonesia (lihat Lampiran 2) yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, pengambilan mereka boleh dilakukan jika menurut beberapa syarat, iaitu pendapatan keluarga majikan mestilah tidak kurang dari \$2000 sebulan dan kehadiran pembantu rumah yang diambil melalui agen atau agensi mestilah dijamin oleh majikan sebanyak \$500 dalam bentuk surat jaminan bank/wang cagaran. Jika majikan ingin mengambil pembantu rumah Filipina yang terpaksa mengikut jalan yang sah, maka mereka dikehendaki membayar sebanyak \$5000 iaitu tambang perjalanan untuk datang ke Malaysia.

Jika dilihat daripada syarat-syarat tersebut, tentunya kita dapat menggambarkan bahawa pembantu rumah Indonesia

TADIKA, TABIKA, dan Pusat Asuhan Kanak-kanak berkembang. Bayaran yang dikenakan oleh Pusat Asuhan Kanak-kanak ini adalah mahal dan hanya mereka yang mampu sahaja menghantar anak-anak mereka ke sana (Hamid Arshad, 1978:15). Hal ini meningkatkan permintaan bagi pembantu rumah.

Berdasarkan dari sebab - sebab di atas, maka timbul permintaan yang tinggi bagi pembantu rumah dari luar negeri. Dalam awal tahun 1970an, pembantu rumah asing adalah dari Indonesia dan Thailand. Dalam tahun 1980an pula, pembantu rumah dari Filipina mula mendapat tempat. Kecuali pembantu rumah dari Filipina, sebilangan besar pembantu rumah ini adalah pendatang haram. Mereka boleh didapati di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur terutama di kawasan bandar (Azizah Kassim, 1991:11).

Pengambilan pekerja asing ini iaitu dari Filipina dan Indonesia dapat dilihat dalam Jadual 1. Data tersebut hanya menunjukkan pembantu rumah Indonesia yang berdaftar sahaja iaitu yang datang secara sah sedangkan ramai dari mereka yang datang secara haram.

Jadual 1
Perangkaan pengambilan pembantu rumah asing

Tahun	Indonesia	Filipina
1985	192	374
1986	394	3260
1987	86	2902
1988	437	534
1989	524	1158
1990	498	5340
1991	585	6460
Jumlah	2716	20028

Sumber : Bahagian Pengambilan Buruh Asing, Jabatan Imigresen Malaysia, seperti yang diberikan kepada pengkaji pada Mei 1991.

Menurut syarat-syarat kelulusan pengambilan pembantu rumah Indonesia (lihat Lampiran 2) yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, pengambilan mereka boleh dilakukan jika menurut beberapa syarat, iaitu pendapatan keluarga majikan mestilah tidak kurang dari \$2000 sebulan dan kehadiran pembantu rumah yang diambil melalui agen atau agensi mestilah dijamin oleh majikan sebanyak \$500 dalam bentuk surat jaminan bank/wang cagaran. Jika majikan ingin mengambil pembantu rumah Filipina yang terpaksa mengikut jalan yang sah, maka mereka dikehendaki membayar sebanyak \$5000 iaitu tambang perjalanan untuk datang ke Malaysia.

Jika dilihat daripada syarat-syarat tersebut, tentunya kita dapat menggambarkan bahawa pembantu rumah Indonesia

diambil kerana mereka lebih murah. Oleh kerana kebanyakan dari pembantu rumah Indonesia ini datang secara haram, maka majikan mengambil mereka kerana tidak perlu membayar sebanyak \$500 kepada Jabatan Imigresen hanya untuk mendapatkan pas lawatan kerja sementara. Walau bagaimanapun, terdapat agen yang mengenakan bayaran yang tinggi iaitu sebanyak \$750 untuk dibayar dalam tempoh tiga bulan. Pembantu rumah Filipina dikhaskan untuk majikan yang bukan Islam manakala pembantu rumah Indonesia hanya boleh digajikan oleh keluarga Islam. Syarat-syarat pengambilan pembantu rumah asing ini juga tidak diikuti apabila terdapat majikan bukan Islam mengambil pembantu rumah Indonesia untuk bekerja di rumahnya.

Tambahan pula, terdapat majikan yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$2000. Mereka lebih senang mengambil pembantu rumah Indonesia yang datang secara haram kerana mereka tidak perlu membayar apa-apa kecuali yang mengambil pembantu rumah melalui agen. Mereka juga dari kaum yang sama iaitu bangsa Melayu dan bertutur dalam bahasa yang lebih kurang sama. Ini memudahkan majikan bergaul dengan mereka.